

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama  
Sidang 1988/89

PDP 470 - Pengantar Ilmu Pendidikan

Tarikh: 4 November 1988

Masa: 9.00 pagi - 12.00 tengah hari  
(3 jam)

-----  
Arahan:

Jawab EMPAT soalan sahaja. Pilih DUA soalan dari tiap-tiap bahagian. Jawapan untuk Bahagian A dan Bahagian B hendaklah ditulis dalam buku berasingan dan diserahkan berasingan.

BAHAGIAN A

Jawab mana-mana DUA soalan sahaja.

1. Apakah yang anda faham dengan istilah profesion? Berdasarkan kepada ciri-ciri profesion, bolehkah profesion perguruan dianggap sama taraf dengan profesion-profesion yang lain?  
(25 markah)
2. Bincangkan teknik menyoal dan cara melayani jawapan murid.  
(25 markah)
3. Nyatakan tujuan pengurusan bilik darjah. Huraikan aspek-aspek penting yang perlu diurus dengan baik supaya mencapai keberkesanan pengajaran dan pembelajaran.  
(25 markah)

...2/-

BAHAGIAN B

Jawab mana-mana DUA soalan sahaja.

4. Huraikan bagaimana proses kefahaman berlaku dalam masa seseorang membaca/melihat sesuatu pemerian berbahasa/bergambar? Apakah yang anda akan laku untuk membantu murid-murid anda memahami butir-butir pelajaran yang anda akan mengajar?

(25 markah)

5. Tunjukkan proses/operasi yang terlibat di dalam kegiatan rekaan. Apakah yang anda akan laku untuk membantu murid-murid anda belajar dengan berdayareka aspek-aspek pelajaran yang anda akan mengajar?

(25 markah)

6. Bagaimanakah dapat dibezakan istilah "kurikulum" dengan "perkembangan kurikulum"? Apakah prinsip-prinsip pembelajaran (pelaziman/ingatan/kefahaman) yang utama patut diambilkira dalam perkembangan sesebuah kurikulum?

(25 markah)

-ooo00ooo-